



***EMANSIPASI WANITA DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN***

**NURHASMIRA BINTI MAT RUSOK**

**FBMK 2019 34**



**EMANSIPASI WANITA DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN**

Oleh

**NURHASMIRA BINTI MAT RUSOK**

**Tesis diserahkan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia  
dalam memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Disember 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

## **EMANSIPASI WANITA DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN**

Oleh

**NURHASMIRA BINTI MAT RUSOK**

**Disember 2018**

**Pengerusi: Roslina Abu Bakar, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dilakukan untuk melihat emansipasi wanita dalam novel-novel terpilih dari tahun 1960-an hingga 1990-an. Novel-novel pilihan itu dihasilkan oleh pengarang-pengarang wanita seperti Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi dan Rosmini Shaari. Bertitik tolak daripada kenyataan Che Asmah Yaacob, yang menegaskan bahawa asas perjuangan kaum wanita masa kini sepatutnya tidak dilakukan secara membuta tuli dan kepentingan peranan wanita dalam pembangunan diri, keluarga dan masyarakat perlu diberi perhatian. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel Melayu pilihan. Objektif seterusnya ialah menganalisis dan merumuskan aspek-aspek emansipasi iaitu karya sebagai forum dalam membicarakan tentang soal wanita, karya yang membantu mewujudkan persefahaman, wanita sebagai *role model* untuk diteladani, karya memupuk semangat persaudaraan dan karya yang akan menimbulkan kesedaran kepada khalayak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks. Di samping itu, kajian ini mengaplikasikan teori feminism saranan Cheri Register (1975) berpandukan kepada Al-Quran dan hadis serta kajian oleh Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006) mengenai Islam dan hubungannya dengan emansiasi wanita. Kajian ini menggunakan lima buah novel pilihan iaitu *Badai Semalam* (1968) oleh Khadijah Hashim, *Sebelum Penghujongnya Musim* (1972) oleh Zaharah Nawawi, *Di tengah Kabus* (1980) oleh Khadijah Hashim, *Jaringan* (1990) oleh Rosmini Shaari dan *Senator Adila* (1992) oleh Khadijah Hashim. Dapatkan kajian ini ialah dapat memperlihatkan emansipasi wanita menerusi aspek karya sebagai forum dalam membicarakan tentang soal wanita, karya membantu mewujudkan persefahaman, wanita sebagai *role model* untuk di teladani, karya memupuk semangat persaudaraan dan karya menimbulkan kesedaran kepada khalayak. Jelas di sini, karya-karya sastera yang di kaji cenderung menampilkan watak protagonis dalam mengangkat kedudukan dan martabat wanita di mata masyarakat.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of  
requirement for the degree of Master of Arts

## **WOMAN EMANCIPATION IN SELECTED NOVELS**

By

**NURHASMIRA BINTI MAT RUSOK**

**December 2018**

**Chairman : Roslina Abu Bakar, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This research was conducted to observe the emancipation of women in selected novels from the 1960s to the 1990s. The novels are written by women writers, Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi dan Rosmini Shaari. Reflected by Che Asmah Yaacob's statement that emphasized the foundation of today's women struggles should be implemented and not be blindly the important of women's role in self-development, family, society should be attention. Hence, this study was conducted to achieve the objectives of the study. First, to identify the emancipation aspects of women in selected Malay novels. The next objective is to analyse and summarize the emancipation aspects as a forum in discussing women's issues, helping to create understanding, women as role models for the guidance, fostering the spirit of brotherhood and the work of raising awareness to the public. This study uses qualitative methods and text analysis. This research applies the feminism theory by Cheri Register (1975) and Islamic approach based on the Quran dan Hadis and the study by Alias and Che Zarrina Sa'ari (2006) on Islam and its relation to women's emancipation. This research uses five novel: *Badai Semalam* (1968) by Khadijah Hashim, *Sebelum Penghujongnya Musim* (1972) by Zaharah Nawawi, *Di tengah Kabus* (1980) karya Khadijah Hashim, *Jaringan* (1990) karya Rosmini Shaari and *Senator Adila* (1992) by Khadijah Hashim. The findings of this research is show the emancipation aspects as a forum in discussing women's issues, helping to create understanding, women as role models for the guidance, fostering the spirit of brotherhood and the work of raising awareness to the public. The selected novels for the study clearly tend to present the protagonist's character to upraise the status and dignity of women in the eyes of the community.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana berkat limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada Dr. Roslina Abu Bakar dan Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud yang telah menjalankan tanggungjawab dengan penuh kesabaran dan banyak memberi tunjuk ajar, kritikan membina, nasihat dan saranan dalam proses untuk memperbaiki penulisan tesis saya ini. Sesungguhnya, tanpa bimbingan mereka semua, tidak mungkin penulisan ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penghargaan juga ditujukan kepada institusi-institusi yang memberikan kerjasama dan membantu saya dalam menyiapkan kajian ini, terutamanya Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Utama (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM) dan Perpustakaan Negara.

Akhir Sekali, Dedikasi yang istimewa saya rakamkan kepada seluruh keluarga saya yang tercinta, terutama kepada ayahanda Mat Rusok Ibrahim dan Bonda Naimah Jusoh, adik-beradik serta keluarga saya yang banyak memberikan sokongan moral sepanjang tempoh pembelajaran saya di Universiti Putra Malaysia. Kesabaran kalian mendoakan kejayaan ini amat saya hargai.

Jutaan terima kasih juga kepada pensyarah (FBMK) dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa mencambahkan idea dan pandangan serta membakar semangat untuk saya terus berjuang bagi menyelesaikan penyelidikan ini. Moga kalian sentiasa dirahmati oleh-Nya.

Nurhasmira binti Mat Rusok  
Kuala Krai, Kelantan  
1 MEI 2019

I certify that a Thesis Examination Committee has met on (date of viva voce) to conduct the final examination of (student's name) on his (her) thesis entitled ("Title of Thesis") in accordance with the Universities and University Colleges Act 1971 and the Constitution of the Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 March 1998. The Committee recommends that the student be awarded the (insert the name of relevant degree).

Members of the Thesis Examination Committee were as follows:

Associate Professor  
Department of Electrical & Electronics  
Faculty of Engineering  
Universiti Putra Malaysia  
(Chairman)

Professor  
Department of Electrical & Electronics  
Faculty of Engineering  
Universiti Putra Malaysia  
(Internal Examiner)

Associate Professor  
Department of Electrical & Electronics  
Faculty of Engineering  
Universiti Putra Malaysia  
(Internal Examiner)

Professor  
Departments  
University  
(External Examiner)

---

**RUSLI HAJI ABDULLAH, PHD**  
Professor and Deputy Dean  
School of Graduate Studies  
Universiti Putra Malaysia

Date: 14 November 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Roslina Abu Bakar, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**  
Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nurhasmira binti Mat Rusok (GS39566)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putera Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Roslina Abu Bakar

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Arba'ie Sujud

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
 <b>CHAPTER</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif	4
1.5 Kaedah Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	7
1.8.1 Emansipasi	7
1.8.2 Wanita	8
1.8.3 Novel	8
1.9 Rumusan	9
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian-Kajian Lepas	10
2.3 Rumusan	15
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	16
3.1 Pengenalan	16
3.2 Reka Bentuk kajian	16
3.3 Pemprosesan Data Kajian	19
3.4 Pendekatan Kajian	19
3.5 Pendekatan Teori Kritikan Feminisme	19
3.6 Pendekatan Islam	24
3.7 Rumusan	25
<b>4 EMANSIPASI WANITA DALAM NOVEL-NOVEL PILIHAN</b>	27
4.1 Pengenalan	27
4.2 Karya Sebagai Forum Dalam Membicarakan Tentang Soal Wanita	27
4.2.1 Soal Wanita Dalam Hak Pendidikan	28
4.2.2 Soal Wanita Dalam Hak Bersuara	30
4.2.3 Soal Wanita Dalam Penentangan Sistem Patriarki	33

4.2.4	Soal Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan Dan Kepimpinan	35
4.3	Karya Membantu Mewujudkan Persefahaman	41
4.3.1	Persefahaman Hak Wanita Dalam Pendidikan	41
4.3.2	Persefahaman Wanita Sebagai Pewaris Harta	42
4.4	Wanita Sebagai ‘Role Model’ Untuk Diteladani	44
4.4.1	Wanita Sebagai ‘Role Model’ Dalam Dunia Pendidikan	44
4.4.2	Wanita Sebagai ‘Role Model’ Dalam Dunia Kepimpinan	48
4.4.3	Wanita Sebagai ‘Role Model’ Dalam Sektor Perkhidmatan Dan Pekerjaan	49
4.4.4	Wanita Sebagai ‘Role Model’ Dalam Sektor Perniagaan	51
4.5	Karya Memupuk Semangat Persaudaraan	54
4.5.1	Semangat Persaudaraan Dalam Pendidikan	54
4.5.2	Semangat Persaudaraan Wanita Dalam Sektor Perkhidmatan Dan Pekerjaan	55
4.6	Karya Menimbulkan Kesedaran Kepada Khalayak	56
4.6.1	Kesedaran Mengenai Prasangka Buruk Terhadap Wanita	57
4.6.2	Kesedaran Mengenai Hak Bersuara Dalam Kalangan Wanita	60
4.6.3	Kesedaran Mengenai Hak Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan	61
4.7	Rumusan	62
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	65
5.1	Rumusan	65
5.2	Cadangan	66
<b>BIBLIOGRAFI</b>		67
<b>BIODATA PELAJAR</b>		74

## **SENARAI RAJAH**

### **Rajah**

- |   |  |
|---|--|
| 1 | Emansipasi Wanita Dalam Novel-novel Terpilih   |
| 2 | Prinsip-prinsip teori kritikan feminism (1975) |
| 3 | Kerangka Konseptual                            |

### **Halaman**

- |    |
|----|
| 18 |
| 22 |
| 26 |

## **SENARAI SINGKATAN**

APFAM	<i>Asia Pacific Forum on Families</i>
BS	Badai Semalam
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DTK	Di Tengah Kabus
NGO	<i>Non-government Organization</i>
PNM	Perpustakaan Negara
SA	Senator Adila
SPMB	Sebelum Penghujongnya Musim Bunga
SPMB	Sebelum Penghujongnya Musim Bunga
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
SPMB	Sebelum Penghujongnya Musim Bunga
SRDC	<i>Strategic and Research Development Centre</i>
SWT	Subhanallah Ta'ala
TUK	<i>The University of Kentucky</i>



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006:59) menyatakan bahawa gerakan pembebasan wanita bermula di barat pada akhir kurun ke-19 dan mula bertapak di barat pada awal kurun Masihi ke-20. Gerakan ini semakin kuat dan berkesan dalam tahun-tahun enam puluhan dan awal tahun 1970. Sekali gus, Malaysia juga turut menerima tempias pengaruh-pengaruh dari barat dalam bidang sosiobudaya, ekonomi dan politik melalui pergerakan tersebut. Jelas kenyataan tersebut memperlihatkan isu pembebasan wanita dan persamaan hak yang menjadi perdebatan hebat dalam kalangan wanita moden pada masa kini.

Menurut Azizah Kasim (1985:121) perjuangan wanita di Malaysia dalam mencari persamaan hak dengan lelaki merupakan perjuangan yang amat sederhana jika di bandingkan dengan apa yang terjadi di Eropah dan Amerika Syarikat. Sesuai dengan sifat kewanitaan timur, wanita di sini menuntut persamaan hak dengan cara halus, dengan rundingan dan budi bicara, tidak dengan demonstrasi dan keganasan.

Isu-isu wanita dan emansipasi wanita sering dibicarakan sejak tahun 1920-an lagi oleh pengarang-pengarang novel Melayu dalam penghasilan karya kreatifnya. Mereka memaparkan persoalan-persoalan mengenai wanita seperti pengorbanan, ketabahan, kegembiraan, penderitaan, penindasan dan pelbagai lagi rangkaian kisah yang berkaitan dengan dunia wanita. Senario ini dapat membuka minda golongan wanita untuk bangkit mempertahankan hak dan kehidupan yang lebih baik. Maka sekali gus mereka dapat mengangkat martabat kaum wanita di mata masyarakat.

Siti Khairiah Mohd Zubir (2012:101) mengemukakan pendapat Haron Din (1988) yang menyatakan bahawa emansipasi merangkumi kebebasan untuk bercakap, berfikir, bersuara dan lain-lain lagi. Hal ini kerana pemikiran masyarakat di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Pertama telah banyak mengalami perubahan dan anjakan paradigma.

Golongan wanita yang dahulunya dianggap lemah dan tidak memberi sumbangan yang besar dalam isu politik, ekonomi, dan sosial telah bangkit bersuara dalam menuntut kesamarataan hak dan pembebasan daripada perhambaan. Menurut A.H.B prentice D.J (1999) dalam Siti Khairiah Mohd Zubir (2012:101), emansipasi wanita membawa maksud pembebasan wanita daripada prasangka, kongkongan dan lain-lain.

Siti Zulaikha Mohd Nor dalam Siti Khairiah Mohd Zubir (2007:95) pula menyatakan bahawa sejak kebelakangan ini persoalan perempuan menjadi semakin hangat, tambahan

pula dengan adanya deklarasi Tahun Wanita Antarabangsa yang telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam kebisingan suara manusia melaung-lauangkan kebebasan dan persamaan hak untuk kaum wanita, maka sebagai sebahagian daripada kaum wanita yang berada di dunia ini, wanita Islam juga turut terlihat atau dengan perkataan isu yang dipersoalkan itu turut juga dilaungkan oleh sebahagian daripada wanita Islam.

Ahmad Kamal Abdullah dan Siti Aishah Murad (2000:X) berpendapat bahawa pembicaraan tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu moden ini akan lebih menarik dengan mengimbau kedudukan wanita dalam masyarakat tradisional. Wanita dalam masyarakat ini merupakan golongan tertutup. Pendapat dan keputusan mereka kurang diberi pertimbangan golongan laki-laki. Maka wajarlah kritikan terhadap kedudukan wanita Melayu diluahkan oleh pengarang melalui penulisan tempatan dalam karya-karya sastera seperti novel *Hikayat Faridah Hanum* (1926) karya Syed Syeikh Al-Hadi yang mengangkat emansipasi wanita melalui watak Faridah Hanum yang merupakan seorang perempuan berpendidikan serta sekali gus mengkritik status wanita Melayu dalam kalangan masyarakat.

Menurut Yahya Ismail (1970:43), Syed Syeikh Al-Hadi merupakan pelopor tema emansipasi wanita dalam novel di Malaysia. Hal ini kerana watak Faridah Hanum telah menggambarkan secara langsung wanita tidak berada di bawah kongkongan lelaki malah wajar berdikari. Wanita juga turut disarankan supaya menjaga batas-batas pergaulan agar tidak terkeluar dari nilai dan norma masyarakat pada ketika itu. Berikut merupakan petikan *Hikayat Faridah Hanum*:

Bermula, menyekat akan perempuan daripada pelajaran itu suatu dosa yang maha besar di atas kaum dan bangsa dan negeri yang akan di periksa kelak oleh Tuhan dihadapan-Nya di padang mahsyar dan dibalasi-Nya dengan penjara neraka jahanam bagaimana laki-laki itu penjara sekalian perempuan-perempuan di dalam api dapurnya sahaja di dunia ini.

(*Hikayat Faridah Hanum*, 1985:136)

Selain itu, isu kewanitaan yang telah digarapkan dalam novel oleh pengarang wanita telah memberi cetusan idea yang menarik sebagai bahan bacaan umum kepada khalayak pembaca. Mereka mewakili masyarakat khususnya kaum wanita untuk menyuarakan hak dan ketidakpuasan mereka melalui penulisan. Hal ini selari dengan konsep teori feminism iaitu teori berkaitan kebangkitan wanita di Barat dalam mendapat keadilan dan kesaksamaan hak. Menurut Mitchel (1971:65) teori feminism adalah teori barat yang mementingkan keadilan dalam mendapatkan hak wanita. Kaum wanita digambarkan bangun memberontak kerana menyuarakan pendapat dalam mendapatkan hak yang sama seperti lelaki. Aliran feminism ini menyokong kuat hak asasi dan emansipasi wanita, pembebasan dan hak persamaan wanita.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Isu pembebasan wanita dan persamaan hak merupakan suatu isu yang menjadi perdebatan hebat dalam kalangan wanita moden pada masa kini khususnya dalam bidang penulisan. Wanita sering dijadikan watak utama dalam penulisan novel oleh pengarang sejak sekian lama. Isu emansipasi wanita ini bukan suatu yang baru dalam kajian novel. Isu ini telah pun diketengahkan dan dibahagikan lebih awal sekitar tahun 1920-an seperti novel *Hikayat Faridah Hanum* (1926) karya Syed Syeikh Al-Hadi yang mengangkat emansipasi wanita bagi mencetuskan kesedaran masyarakat tentang hak dan kebebasan wanita melalui watak Faridah Hanum. Menurut Norhayati Abd Rahman (2012:52), menjelang tahun 1960-an, kebanyakan karya sastera wanita mula memperlihatkan kebangkitan menentang mod-mod kekuasaan dalam karya lelaki. Hal ini demikian kerana pengarang wanita semakin menyerlahkan sifat kreatif dan inovatif dengan melakukan pelanggaran atau penyimpangan terhadap ciri-ciri konvensi penulisan novel.

Walau bagaimanapun persoalan emansipasi wanita ini masih perlu untuk dikaji berdasarkan kepada beberapa pandangan dan lompong kosong menerusi kajian terdahulu. Antaranya, Sohaimi Abdul Aziz dalam Utusan Malaysia (03 September 2003) telah membincangkan tentang Ahmad Rashid Talu sebagai pelopor pembebasan wanita. Berdasarkan buku *Sasterawan Mendaului Zaman* Karya Ahmad Rashid Talu banyak memperlihatkan tentang isu emansipasi wanita, kelemahan-kelemahan masyarakat Melayu, kebaikan pendidikan Inggeris dan sikap golongan tua yang menghalang tuntutan kemajuan. Hal ini menunjukkan beliau begitu prihatin dengan nasib masyarakat Melayu atau peribumi dan mengimbau akan perubahan minda mereka.

Manakala Siti Khairiah (2012:99) pula membicarakan tentang pendapat Umar Junus (1998) yang menyatakan bahawa emansipasi terbahagi kepada tiga konsep yang berbeza. Pertama, fenomena yang berhubung dengan persoalan cinta dan seks. Kedua, fenomena yang berkaitan dengan gerak emansipasi wanita atau modenisasi dalam hubungan ikatan kekeluargaan. Ketiga emansipasi dalam hubungan memodenkan wanita berdiri sendiri, sama dengan lelaki.

Namun ada beberapa tanggapan lain tentang konsep emansipasi wanita, misalnya Membunga @ Siti Mariam Yaacob (2010:53) lebih banyak memperlihatkan konsep emansipasi dari sudut golongan wanita telah membentuk organisasi di peringkat nasional untuk menuntut pembebasan dan hak dalam pendidikan, kebijakan, pemberian upah, hak mengundi dan kebebasan dalam mencorakkan masa depan sendiri. Tuntutan ini dilakukan kerana wanita menyedari bahawa mereka telah di pinggir serta dibelenggu dalam aspek ekonomi, sosial dan politik.

Kemudian, Siti Khariah Mohd Zubir (2007:8) menyatakan Islam menekankan bahawa kaum perempuan (harus) diizinkan untuk mencapai tingkat kemajuan tertinggi dalam hal material, intelektual dan spiritual. Islam juga telah memperluaskan hak-hak perempuan dalam berbagai-bagai bidang sosial, politik, ekonomi, pendidikan, keterampilan serta kesempatan bekerja. Untuk melindungi agar hak-hak itu tidak di salah gunakan oleh

kaum lelaki, maka Islam memberi perlindungan hukum yang kuat terhadap hak perempuan.

Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Che Asmah dalam *Utusan Malaysia* (28 Ogos 2014) yang menegaskan bahawa asas perjuangan kaum wanita masa kini yang sepatutnya dilakukan, bukan dengan hanya membuta tuli memperjuangkan secara radikal tentang konsep feminis. Penegasan pertama melalui pengiktirafan kepentingan peranan wanita dalam pembangunan diri, keluarga dan masyarakat di mana peranan tersebut adalah saling melengkapi dalam usaha mewujudkan umat pertengahan. Di samping itu, kita juga mahu pengiktirafan wajar diberi terhadap prinsip kesamarataan dan kesaksamaan tersebut menurut nilai-nilai Islam dengan mengambil kira fungsi biologi peranan setiap jantina dan kemampuan mereka dalam memberi khidmat terbaik kepada keluarga dan masyarakat. Penegasan terakhir ialah mengiktiraf dan menuntut lelaki dan wanita berperanan dalam memantapkan serta mengukuhkan institusi keluarga. Pemerkaasan hak-hak wanita Islam itu perlu bermula pada diri wanita itu sendiri.

Justeru, bertitik tolak daripada kenyataan Che Asmah Yaacob (28 Ogos 2014), konsep emansipasi dapat diperlihatkan dari aspek yang lebih luas menerusi karya novel-novel pilihan. Kajian ini akan mengaplikasikan ajaran Islam dalam mengekalkan hak dan kedudukan wanita dalam masyarakat adalah wajar satu kajian dilakukan mengenai emansipasi wanita yang meliputi aspek-aspek perjuangan wanita dalam sosial, perjuangan wanita dalam politik dan perjuangan wanita dalam ekonomi melalui novel-novel Melayu.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian merujuk kepada permasalahan kajian yang akan menimbulkan beberapa soalan yang berkaitan dengan aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel-novel Melayu pilihan pada tahun 1960-an hingga 1990-an. Antara persoalan-persoalan kajian ialah:

1. Apakah aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel Melayu pilihan?
2. Bagaimanakah aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel Melayu pilihan digambarkan oleh penulis?
3. Apakah aspek-aspek emansipasi wanita yang dominan terdapat dalam novel-novel Melayu pilihan?

### **1.4 Objektif**

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel-novel Melayu. Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan tentang isu wanita melalui paparan cerita yang ditonjolkan dalam penulisan novel. Antara objektif kajiannya ialah seperti berikut:

1. Mengenal pasti aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel-novel Melayu pilihan.
2. Menganalisis aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel-novel Melayu pilihan iaitu karya membantu mewujudkan persefahaman, wanita sebagai *role model* untuk diteladani, karya memupuk semangat persaudaraan dan karya menimbulkan kesedaran kepada khalayak.
3. Merumuskan aspek-aspek emansipasi wanita dalam novel-novel Melayu pilihan.

## 1.5 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam penulisan tesis ini iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah analisis teks. Kedah perpustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat bersesuaian yang diperlukan melalui buku, jurnal, kertas kerja, majalah, rencana, artikel, akhbar, penulisan ilmiah, kertas kerja dan tesis. Kaedah yang digunakan ini mampu memberi lebih banyak maklumat kepada pengkaji untuk dijadikan bahan perbincangan dan bahan untuk dianalisis serta secara tidak langsung banyak ilmu-ilmu sastera dapat diterokai. Menerusi kaedah analisis teks, pengkaji akan menggunakan teori kritikan feminis Cheri Register (1975) berdasarkan agama Islam daripada sudut kaca mata perspektif ketimuran sebagai landasan dalam menganalisis novel-novel Melayu pilihan. Perincian tentang teori ini akan dibuat dalam bab 3.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian yang dijalankan diharapkan dapat menjelaskan aspek-aspek emansipasi wanita melalui watak wanita yang diperlihatkan dalam sesebuah karya sastera. Kemudian kajian ini akan memberi pendedahan yang lebih luas kepada para pembaca tentang isu-isu yang berkaitan dengan kedudukan dan peranan wanita dalam sesebuah masyarakat.

Kajian ini juga amat penting bagi mengekalkan khazanah karya sastera negara. Penulisan karya kreatif seperti novel ini menjadi kecenderungan masyarakat pada hari ini membacanya sebagai hiburan dan ruang untuk berfikir serta menjadi sumber inspirasi terutamanya kepada wanita dalam menghadapi era globalisasi.

Selain itu, kajian ini dapat membuat penilaian dari aspek mutu, kreativiti dan keprihatinan pengarang terhadap keadaan sekeliling dalam kehidupan masyarakat. Aspek-aspek ini amat penting untuk melahirkan penulis-penulis yang kreatif dan inovasi dalam dunia sastera iaitu sebagai agen perubahan masyarakat. Kemudian akan dapat meneliti sejauh mana pengarang ini berjaya membawa kesedaran dari cerminan latar kehidupan dan permasalahan masyarakat di luar dalam bentuk novel sebagai tatapan khalayak umum.

Kepentingan kajian ini dapat memberi sumbangan untuk memperbanyakkan khazanah kritikan dan kajian novel di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menambahkan kuantiti penulisan kreatif dan meningkatkan kualiti penghasilan genre novel di negara ini. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan landasan kepada pengkritik-pengkritik lain dalam menambah lagi kritikan dalam memartabatkan dan memajukan bidang kesusasteraan tanah air. Sekali gus dapat dilaksanakan oleh pengkritik dengan cara memperbaiki segala kelemahan di samping meneroka sesuatu yang baharu. Malah diharapkan kajian ini dapat dijadikan satu anjakan paradigma dalam meneliti aspek-aspek emansipasi wanita secara lebih meluas.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada beberapa aspek emansipasi wanita iaitu karya sebagai forum dalam membicarakan tentang soal wanita, karya membantu mewujudkan persefahaman, wanita sebagai *role model* untuk diteladani, karya memupuk semangat persaudaraan dan karya menimbulkan kesedaran kepada khalayak. Emansipasi wanita dalam karya novel-novel pilihan akan mengaplikasikan teori kritikan feminism Cheri Register (1975). Menurut Josephine Donovan (1989:2) menyatakan teori kritikan feminism oleh Cheri

Register (1975) dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kajian terhadap imej wanita dalam karya sastera terutamanya yang dihasilkan oleh pengarang lelaki, kajian terhadap pengarang wanita dan kritikan perspektif yang mungkin dikembangkan menjadi satu set ‘peraturan’ melalui karya daripada perspektif feminis. Oleh itu, Cheri Register (1975) telah menggariskan beberapa ciri penting yang harus ada dalam sesebuah novel bagi menepati ciri novel feminis. Antara ciri-ciri tersebut ialah:

1. Karya menjadi forum bagi wanita dalam mendedahkan pengalaman dan nilai hidup secara jujur.
2. Membantu mewujudkan persefahaman.
3. Menjadi contoh untuk diteladani.
4. Memaparkan semangat persaudaraan sesama wanita terhadap cabaran yang akan datang.
5. Meningkatkan kesedaran.

Di samping mengaplikasikan teori feminism oleh Cheri Register (1975), kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan Islam daripada sudut kaca mata perspektif ketimuran sebagai landasan dalam menganalisis karya novel-novel pilihan. Kajian ini berpandukan kepada Al-Quran dan hadis serta penulisan Baterah Alias dan Che Zarrina Sa’ari (2006) mengenai Islam dan hubungannya dengan emansipasi wanita.

Kajian ini memfokuskan kepada lima buah novel pilihan yang terhasil pada tahun 1960-an hingga 1990-an. Pemilihan novel-novel tersebut berdasarkan pemilihan tema dan plot penceritaan yang paling dominan memperdebatkan tentang isu perjuangan emansipasi wanita. Novel-novel tersebut berjudul *Badai Semalam* (1968) karya Khadijah Hashim, *Sebelum Penghujongnya Musim Bunga* (1972) karya Zaharah Nawawi, *Di Tengah*

*Kabus* (1987) karya Khadijah Hashim, *Jaringan* (1990) karya Rosmini Shaari dan *Senator Adila* (1992) karya Khadijah Hashim.

## 1.8 Definisi Operational

Pelbagai definisi atau konsep turut diperjelaskan agar bidang kajian ini lebih teratur dan menepati motif kajian pengkajian. Definisi atau konsep yang akan dikemukakan ini berlandaskan kepada bahan-bahan rujukan serta kutipan pendapat tokoh juga sarjana.

### 1.8.1 Emansipasi

Haron Din (1988:490) mendefinisikan emansipasi sebagai kebebasan bercakap, berfikir, bersuara dan lain-lain lagi. Manakala Siti Khairiah Mohd Zubir (2012:98) menyatakan istilah emansipasi wanita atau dalam bahasa Inggerisnya “*Women’s Liberation*” merupakan istilah yang merujuk kepada penggerakan pembelaan wanita. “*Liberation*” membawa maksud bebas atau lepas daripada kongkongan, kurungan atau dengan kata lain memerdekaan.

Siti Khairiah Mohd Zubir (2012:98) menyatakan bahawa emansipasi atau hak kebebasan bagi setiap insan sudah ada sejak mula dilahirkan ke dunia ini. Setiap insan dilahirkan dengan bebas. Emansipasi atau hak pembebasan manusia tidak harus dilucutkan melainkan dalam keadaan darurat iaitu ketika mempertahankan kemerdekaan dan keselamatan bagi umat Islam. Emansipasi bermaksud perihal atau keadaan seseorang bebas daripada ditakluki oleh orang-orang tertentu.

Siti Khairiah Mohd Zubir dalam Beterah Alias dan Che Zarrina Sa’ari (2012:99) menjelaskan bahawa emansipasi atau kebebasan adalah antara keperluan asasi manusia yang mula-mula dilaksanakan oleh kaum Islam. Keperluan manusia kepada emansipasi atau kebebasan hanya akan disedari apabila kebebasan hanya disedari apabila kebebasannya hilang atau terkongkong. Keperluan manusia kepada emansipasi atau kebebasan adalah berbeza mengikut tahap keperluannya. Ini kerana terdapat perbezaan pendidikan, pengalaman, kebudayaan, struktur psikologi, kebudayaan, sosial dan ekonomi. Emansipasi atau kebebasan penting kepada manusia kerana ia adalah ciri istimewa manusia dan sifat kemanusiaan. Ia juga jalan yang betul ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Selain itu, ia adalah salah satu kemestian ke arah kemajuan masyarakat dan kehidupan.

Muhammad Al-Baki (1981:2) menjelaskan bahawa perjuangan wanita pada mulanya hanya mengajak wanita-wanita Islam supaya membuka tudung dan menyingkatkan lengan baju sekadar nampak tapak tangan. Hal ini tidak berhenti di situ sahaja. Tak lama kemudian mereka mengikatkan kain pula sehingga nampak pergelangan kaki dan betis. Seterusnya lengan baju disingkatkan lagi hingga ke siku. Leher diluaskan hingga ke paras dada yang terdedah dadanya hingga nampak bina susu.

Kain pula disingkatkan lagi ke lutut terus ke paha. Keadaan ini sangatlah mengghairahkan dan menarik perhatian kaum lelaki. Wanita-wanita Islam kini sudah tidak segan silu lagi memakai pakaian mini di luar rumah dan “*berbikini*” di tepi-tepi pantai. Mereka yang pada mulanya hanya ingin membuka tudung, atas alasan tertentu tetapi kini telah benci pula melihatnya. Begitu juga mereka bukan sahaja benci kepada agama tetapi takut dan mahu lari dari hukum-hukum agama.

### **1.8.2 Wanita**

Menurut Teuku Iskandar (1984:1459) wanita adalah orang perempuan atau juga dikatakan sebagai kaum ibu dan kaum puteri. Ibu pula merujuk kepada wanita yang melahirkan anak, bertanggungjawab mendidik anak-anak menjadi insan yang cemerlang.

A.Wahab Ali (1989:142) pula mengkategorikan wanita kepada dua iaitu wanita tradisi dan wanita moden. Wanita tradisi ialah wanita yang mempunyai ciri-ciri tidak berpelajaran, kurang rasional, statik dan kehidupan mereka terlalu bergantung pada lelaki, tidak bebas dan terikat dengan lelaki dan terikat dengan adat, kekeluargaan dan nilai agama secara dogma. Wanita moden pula bermaksud wanita yang sudah diresapi dengan penuh kebudayaan barat.

Ungku Maimunah Mohd Tahir (2013:13) menyatakan bahawa ruang wanita terbatas kepada domain peribadi berbanding lelaki yang ruangnya ialah domain awam; peranan wanita dihadkan sebagai suri rumah tangga yang mengasuh anak, berbakti kepada suami serta menjaga kebajikan keluarga yang domestik, berbanding lelaki yang peranannya ialah sebagai ketua keluarga.

Manakala menurut Siti Khairiah Mohd Zubir (2008:11-12) wanita merupakan aset yang amat bernilai dan tenaga penggerak kemajuan. Wanita merupakan banteng pertahanan moral dalam masyarakat yang berubah dan sering dilanda kegawatan dan kemelut sosial. Wanita menjadi sumber inspirasi dan kasih sayang serta perubahan masyarakat penyayang.

### **1.8.3 Novel**

Rosnah Baharudin (2000:32) menyatakan bahawa istilah novel berkaitan tentang pengalaman manusia dan oleh sebab itu mempunyai tanggungjawab untuk memuaskan hati pembacanya dengan memberikan perincian-perincian tentang ceritanya seperti cerita mengenai individu pelaku-pelakunya, waktu dan tempat berlakunya peristiwa-peristiwa iaitu menceritakan tentang perincian yang lebih banyak untuk disampaikan melalui bahasa dan rujukan dan bukannya melalui bentuk-bentuk yang lain.

Azizah Kasim (1985:67) pula mendefinisikan novel sebagai ‘Novel adalah sebuah roman yang singkat atau dikenali sebagai sebuah prosa reka yang panjang di dalamnya termuat sebahagian daripada sebuah kehidupan’.

Manakala S.Othman Kelantan dan Abdullah Tahir (2003: 75) pula menyatakan bahawa istilah novel itu merujuk kepada sebuah prosa cerea yang panjang, menceritakan tentang kisah hidup manusia pada suatu masa, tempat-tempat tertentu dan ia juga menyentuh tentang persoalan kehidupan yang menarik. Kemudian, Ramli Isin (1997:3) menjelaskan novel adalah suatu karya yang panjang dan kompleks sifatnya serta mengandungi unsur-unsur dalaman seperti plot, perwatakan, latar dan sudut pandangan dalam setiap karya novel yang dihasilkan.

Menurut S.Othman Kelantan (2005:19) pula novel merupakan satu dokumentasi sosial yang isi-isinya sudah pasti mempersoalkan tentang isu-isu nilai kemanusiaan seperti perjuangan dalam kehidupan, pergolakan jiwa dan perasaan seseorang, persoalan cinta, kasih sayang. Pertentangan pendapat, konflik melibatkan keadilan dan ketidakadilan yang bermain di minda dan perasaan masyarakat.

### **1.9 Rumusan**

Bab ini menerangkan secara terperinci mengenai gambaran kajian yang bakal dilakukan sebagai landasan kepada penganalisisan. Bab ini menyentuh secara menyeluruh tentang beberapa perkara penting dalam kajian akademik iaitu pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, kaedah kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Pada bab seterusnya pula akan diterangkan secara menyeluruh mengenai sorotan kajian masa lalu iaitu kajian-kajian akademik yang pernah dibuat oleh sarjana-sarjana sebelum ini yang berhubung kait dengan kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Kadir Abdullah Hassan. (2002). *Perkahwinan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2003). *Gangguan Seksual Pengurusan Tingkah Laku dan Perkembangan Gender dalam Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Mun'im Qindil. (1993). *Fitnah Wanita Pandangan yang Terus Terang dan Bernas*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Afif Ab. Fattah Tabbarah. (1978). *Wanita dan Keluarga dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ahmad Kamal Abdullah Dan Siti Aishah Murad. (2000). *Citra Wanita dalam Sastera Melayu 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd. Saman dan Zakaria. (1990). *Sejarah Kesusastraan Melayu Jilid II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aishah Abu Bakar. (1998). “*Citra Wanita dalam Novel-novel Popular Samsiah Mohd Nor dan A. Talib Hassan (1990-an)*”. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Albert Widjaya. (1982). *Budaya Politik dan Pembangunan Ekonomi*. Jarkata: Penerbit LP3ES.
- Amanah Mohd Noor. (2001). ‘*Citra Wanita dalam Novel Hikayat*’. Kertas Projek Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Putra Malaysia.
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan Wanita dalam Islam Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anis Sabirin. (1969). *Peranan Wanita Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- A.Wahab Ali. (1989). *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Ibrahim. *Cendekiawan Melayu Penyuluhan Emansipasi*. Petaling Jaya: Strategic and Research Development Centre, 2014.
- Azlinda Abdul Aziz. (2001). ‘*Citra Wanita dalam Karya-karya Zaharah Nawawi*’. Kertas Projek Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Azlizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani. (2012). *Wanita dan Masyarakat*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Azizah Kasim. (1985). *Wanita Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Baterah Alias dan Che Zarinna Sa'ari. (2006). *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Che Zainon Yusof. (1995). *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Chin Hye Ryun. (1997). 'Citra Wanita dalam Novel Khadijah Hashim dan Marga T: Satu Kajian Perbandingan'. Tesis Sarjana Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Donovan, Josephine. (1989). *Feminist Literary Criticism: Explorations in Theory*. Lexington: The University Of Kentucky.
- Faisal Hj. Othman. (1996). *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fathi Osman. (2002). *Wanita Islam dalam Keluarga dan Masyarakat*. Petaling Jaya: Sisters in Islam.
- Haron Din. *Manusia dan Islam*. (1988). Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Haslina Hj. Hassan dan Ann Wan Seng. (1995). *Wanita dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hibag Rauf Izzat. (1997). *Penglibatan Wanita dalam Politik mengikut perspektif Islam*. Petaling Jaya: As- Syabab Media.
- Hum, Manggie. (1989). *The Dictionary of Feminist Theory*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Jabir Qamihah. (1996). *Nilai-nilai dalam Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Khadijah Hashim. (2000). *Badai Semalam*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing Sdn. Bhd.
- Khadijah Hashim. (1992). *Senator Adila*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Khadijah Hashim. (1987). *Di Tengah Kabus*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Khadijah Mohd. Salleh. (1994). *Wanita dan Alam Perjuangannya*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar Malaysia.

- Manonmani Devi a/p M.A.R Aninamalai. (2008). ‘*Citra Wanita dalam Novel-novel R.Karthigesu*’. Tesis Sajanar. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Membunga@Siti Meriam Yaacob. (2005). *Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas*. Tesis Kedoktoran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Membunga @ Siti Mariam Yaacob (2010). *Wanita dalam Karya Hamzah Hussin dari Perspektif Kritikan Feminis*. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Makmor Tumin. (2006). *Wanita di Malaysia Perjuangan Menuntuk Hak*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mitchel, Juliet. (1971). *Women's Estate*. Harmondworth: Penguin Radom House.
- Mohamad Mokhtar Hassan. “Jiwa Feminisme Fatimah Busu” dlm. *Dewan Sastera*, Jun 2004.
- Mohd. Sofwan Amrullah. (1993). *Fitnah Wanita Pandangan Yang Terus Terang Dan Bernas*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Muhammad Abu Syauqi Banna. (2012). *Wanita Juga Boleh Berbusines*. Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Muhammad Al-Baki. (1981). *Sikap Wanita Islam Kini*. Kuala Lumpur: Percetakan Adabi.
- Nancy Mandell. (1995). *Feminist Issues*. Scarborough, Ontario:Pretice-Hall Canada Inc. h. 4.
- Nik Safiah Karim. (1990). *Wanita Malaysia Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: ‘K’ Publishing & Distributor Sdn. Bhd.
- Nor Azlia Mat Jaafar. (2009). *Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norhayati Ab. Rahman. (2012). *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia Satu Bacaan Ginokritik*. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Norhayati Ab. Rahman. (2005). *Puitika Sastera Wanita dalam novel-novel Pengarang Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Norhayati Ab. Rahman. (2012). *Permatabatan Wanita dalam Lentera Mestika*. Daripada Kaca Mata Wanita. MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa Bil. (18). 109-130.
- Norizan Abdul Razak. (1964). *Kejayaan e-Usahawan Wanita*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Rafiah Saidon, Sily Daud dan Mohd Samsudin. (2017). Penglibatan Politik: Pemerkasaan Kepimpinan Wanita dalam Malaysia (1980-2013). *Journal Of Social Sciences and Humanities*. Vol.12, No. 1 (2017) 137-150.
- Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar. (1996). *Wanita dan Pekerjaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Rohana Raja Mamat. (1991). *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia daripada Perspektif Sosial dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin. (1997). *Novel Melayu Muktahir: Tema dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Register, Cheri. (1975). "American Feminist Criticism: A Bibliographical Introduction" dlm. *Feminist Literary Criticism: Exploration in theory*. Lexington: The University Of Kentucky.
- Rendall Jane. (1990). *The Origins of Modern Feminism: Women's in Britain, France and United States (1780-1860)*. London: MacMillan Education Ltd., h. 1.
- Robiah Sidin. (1994). *Pendidikan Di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Rohani Abdul Rahim. (1991). *Undang-undang Wanita dan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Citra Publishing Sdn. Bhd.
- Rosmini Shaari. (1990). *Jaringan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Baharudin. (2000). *Belahan Jiwa Wanita dalam Novel A.Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Baharudin. "Feminisme Ala Salina Ibrahim dalam Untukmu Hana" dlm *Dewan Sastera*, Januari 2006.
- Rosnah Baharuddin. (1995). *'Wanita dalam Novel A.Samad Said*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shanti Thambiah. (2003). 'Work, Family and Gender in Malaysia: Women's Employment and Its Consequences for The Economy and The Family. dlm. Ariffin, J. (pnyt.). *Facing up to Global Challenges: Building Resilient Families and Caring Communities in a Troubled World*, hlm. Johor Bahru: Asia Pacific Forum on Families (APFAM) Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1990). *Masyarakat Malaysia yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Showalter, Elaine (peny). (1986) *The New Feminist Criticism: Essays on Women. Literature of Theory*. London Virago.

- Siti Aishah Murad. (2008). *Penelitian Sejarah Kesusastraan Melayu Modern 1940-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aishah Murad. "Watak Wanita di Tangan Penulis Lelaki" Dlm *Dewan Sastera*, Oktober 2006.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (2006). *Pemartabatan Wanita di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Siti Hajar Che Man. (2007). *Esei-esei Kritikan Feminis dalam Kesusastraan Melayu*. Minden:Universiti Sains Malaysia.
- Siti Hajar Che Man. 2005. *Wacana Patriarki: Konsep, Kefungsian dan Aplikasinya dalam Genre Kesusastraan. Seminar Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau Vol. (1) 551-573*.
- Siti Hajar Che Man. "Ekspresi Pengalaman Wanita Sebagai Ciri Asas Dalam Pembentukan Citra Wanita" dlm *Dewan Sastera*, Januari 2004.
- Siti Hajar Che Man. (1998). 'Kritikan Sastera daripada Perspektif Feminisme, Analisis Kaedah Bacaan Kritikan Feminisme dan Ginokritikan: Teks Tempatan sebagai Model Rujukan'. Tesis Ijazah Falsafah Kedoktoran. Pusat Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2012). *Feminisme dalam Sastera Melayu*. Tajung Malim: Emeritus Publications.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2008). *Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Tajung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2007). *Perjuangan Perempuan Dalam Karya Pengarang Perempuan Malaysia Dan Indonesia Di Awal Abad Ke-21: Satu Kajian Bandingan*. Tajung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2004). 'Citra Wanita dalam Novel-Novel Melayu dari Perspektif Pengarang Wanita'. Tesis Kedoktoran. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Zulaikha Mohd Noor. (1982). *Kedudukan Dan Peranan Wanita Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- S.Othman Kelantan dan Abdullah Tahir. (2003). *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. (2005). *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sugihastuti Suharto. (2010). *Kritikan Sastra Feminis: Teori dan Aplikasi*. Yogyakarta" Indonesia

- Sufean Hussin (1996). ‘*Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*’. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Omar Syed Agil Al-Attas. (1995). *Wawasan Pembangunan Negara Tahun 2020, Pengindustrian, Moral dan Keilmuan*. Kuala Lumpur: Institut Pembangunan Minda.
- Tafsir Al-Qur'an (Resam Othmani)*. (2010). Perak: Maghrifah Pustaka Al-Madani Enterprise.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. (1983). Kuala Lumpur: Darul Fakir.
- Teuku Iskandar. (1984). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2013). “Pengenalan-Bab1”. *Gender dalam Sastera Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2013). *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vasanthi Ramachandaran. (2011). *Shahrizat: Suara Wanita Malaysia*. Kuala Lumpur: Falcon Connections Sdn Bhd.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1997). Penjelasan Budaya Ilmu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Ismail. (1970). *Satu Kajian Mengenai Karya-karya Ahmad Talu*. Kuala Lumpur: Dewana Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf Al-Qardhawi. (2002). *Wanita dalam Masyarakat Islam Menurut Al-Quran dan As-Sunah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Zaharah Nawawi. (1982). *Sebelum Penghujongnya Musim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaleha Kamaruddin. (1999). *Wanita Keadilan*. Kuala Lumpur: Anz Charisma.
- Zubaidi W. Hj. Rahmat dan Harun Arrasyid Haji Tuskan. (2013). *Memahami Kehebatan dan Hak Wanita*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn Bhd.
- Zulqarnain Hassan dan Mohammad Zaidi Abdul Rahman. (2008). *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasah Syar'iyyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributor Sdn Bhd.